

## *Keberkesanan Pengalaman Pembelajaran Pemerolehan Dalam Portal SLS untuk Kemahiran Interaksi Penulisan*

**Siti Fatimah Omar Bakri**

siti\_fatimah\_omar\_bakri@schools.gov.sg

**Zarina Kamaron**

zarina\_kamaron@schools.gov.sg

**Sekolah Rendah Xinmin**

### *Abstrak*

Penggunaan pengalaman pembelajaran pemerolehan dalam portal SLS dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran menjawab soalan interaksi penulisan. Seramai 19 orang murid Darjah 5 terlibat dalam kajian ini. Berdasarkan penelitian dan pemantauan guru dalam aktiviti interaksi penulisan yang dilaksanakan dalam kelas, murid didapati mengalami kesukaran untuk memberikan isi yang bernas berdasarkan kehendak soalan. Murid juga didapati cepat berasa bosan ketika meneliti brosur yang diberikan sebagai latihan. Murid-murid didapati menulis jawapan yang tidak relevan dan tidak lengkap. Objektif kajian ini adalah untuk membantu murid memberikan jawapan yang lengkap dan menepati kehendak soalan. Dapatan kajian menunjukkan adanya peningkatan yang signifikan berkaitan mutu jawapan yang diberikan murid bagi kemahiran interaksi penulisan.

Kata kunci: SLS, kemahiran interaksi penulisan, pengalaman pembelajaran pemerolehan, rutin berfikir

## PENGENALAN

Proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) di sekolah memerlukan guru untuk menyediakan murid dengan kemahiran literasi digital. Pelaksanaan ICT di sekolah rendah bertujuan untuk memperkaya sekitaran pembelajaran murid untuk terus menggunakan ICT dalam pembelajaran secara konsisten dan berkesan. Harapan dapat membantu murid mengukuhkan kemahiran komunikasi, interaksi dan membina kecekapan bagi pembelajaran secara sendiri dan sikap bekerjasama melalui penggunaan ICT secara efektif (Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah 2015). Kini, setiap murid sudah mempunyai kemahiran menggunakan ICT dan guru perlu mengukuhkan kemahiran itu. Cook and Finlayson (1999) menyatakan bahawa penggunaan ICT yang semakin meningkat dalam kalangan komuniti memberi peluang kepada murid untuk meraih pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan.

Kemahiran menjawab soalan interaksi penulisan bukan suatu perkara yang mudah untuk murid-murid. Oleh itu pengajaran yang mengandungi banyak informasi tidak seharusnya sekadar menunjukkan cara-cara melengkapkan soalan itu sahaja tetapi memberi peluang kepada murid untuk menggabungkan pengetahuan dan kemahiran yang mereka ada. Guru juga perlu mengambil kira kebolehan murid seperti mana yang dikemukakan oleh Howard Gardner pada 1983 (dalam Armstrong, 2004) dalam teori kecerdasan pelbagai (*Multiple Intelligences*) dipandang sebagai konsep pendekatan pembelajaran yang lebih objektif dalam mengembangkan kemampuan setiap individu sesuai dengan potensi atau kecerdasan mereka. Justeru itu, penggunaan ICT dalam pengajaran merupakan salah satu pendekatan yang terbaik kerana dapat memenuhi keperluan murid yang pelbagai.

## PERNYATAAN MASALAH

Murid didapati sering mengalami kesukaran untuk menjawab soalan interaksi penulisan. Guru pula akan mengajar murid cara-cara untuk menjawab soalan interaksi penulisan dengan memperkenalkan kaedah-kaedah yang dapat membantu murid. Kaedah ini termasuk main peranan di mana murid-murid dikehendaki menarik perhatian rakan-rakan mereka



dengan mempromosikan butiran yang menarik yang terdapat dalam brosur yang diberikan. Kerja berkumpulan dan berpasangan menggunakan strategi pembelajaran kooperatif juga digunakan semasa menyelesaikan bahagian interaksi penulisan. Namun, beberapa kaedah yang digunakan didapati kurang membantu pembelajaran yang berkesan dalam kalangan murid. Murid seringkali menyelesaikan komponen interaksi penulisan dengan menulis semua informasi yang terdapat dalam brosur atau iklan walaupun tidak relevan. Hal ini berlaku disebabkan murid tidak tahu atau jarang didedahkan pada genre brosur atau iklan dalam kehidupan mereka.

Murid yang sering mengalami kesukaran untuk melengkapkan komponen interaksi penulisan menyebabkan pencapaian mereka bagi Kertas 2 kurang memuaskan. Ada beberapa orang murid didapati tidak menjawab bahagian interaksi penulisan semasa ujian. Guru mendapati bahawa murid sebenarnya tidak pasti apa yang dikehendaki dalam komponen interaksi penulisan. Ada murid yang tidak begitu berminat untuk meneliti brosur yang mengandungi banyak informasi terutamanya bagi murid-murid yang mempunyai kosa kata yang terhad.

Justeru itu, guru harus memikirkan cara untuk membantu proses pembelajaran murid dalam kemahiran interaksi penulisan. Guru percaya bahawa dengan menyediakan satu kaedah yang berstruktur, pelibatan murid dalam pembelajaran boleh ditingkatkan dan sekali gus membina kemahiran berfikir serta membantu murid untuk memberikan isi-isi yang dikehendaki bagi soalan interaksi penulisan.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk:

1. meneliti keberkesanan SLS dalam meningkatkan pelibatan murid dalam proses pembelajaran; dan
2. meneliti keberkesanan SLS dalam meningkatkan kemahiran murid untuk mengenal pasti isi-isi yang diperlukan bagi menjawab soalan interaksi penulisan.



## KAJIAN LEPAS

Semasa Bahas Belanjawan MOE (2017), mantan menteri pendidikan menggalakkan sekolah untuk memupuk keseronokan dalam pembelajaran. Dalam mewujudkan keseronokan dalam pembelajaran, Encik Ng Chee Meng (2017) berkata, “Sekolah... sepatutnya menjadi tempat yang menarik untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran, di mana pembelajaran adalah sesuatu yang menyeronokkan...supaya setiap kanak-kanak dapat menemui minatnya, mengembangkan minat dan suka apa yang dia lakukan”. Beliau menambah keseronokan dalam pembelajaran boleh dipromosikan melalui pembelajaran dan pengalaman pembelajaran.

Menurut C. Cigdemoglu, H. Akay (2016), penggunaan alat ICT dalam pembelajaran merangsang kejayaan murid. Menurut kajian beliau, para peserta yang terlibat dalam kajian yang beliau jalankan memberikan respons yang positif dengan penggunaan alat ICT dalam pembelajaran. Semua jawapan yang diberikan oleh peserta direkod secara verbatim. Peserta dan fasilitator yang terlibat dalam kajian percaya apabila alat ICT digunakan dalam pembelajaran, kejayaan murid akan meningkat. Murid mengesahkan bahawa apabila alat teknologi digunakan dalam pembelajaran, mereka berasa lebih berjaya. Para fasilitator pula menyatakan bahawa penggunaan alat ICT membolehkan mereka menjadikan sesuatu pembelajaran lebih tersusun dan mendorong mereka untuk mencari alat-alat ICT terbaik untuk murid serta memudahkan mereka untuk memberikan bahan-bahan pengajaran yang mudah diakses oleh murid. Murid pula mendapati apabila fasilitator menggunakan alat ICT, pembelajaran menjadi lebih memberangsangkan berbanding pengajaran bercorak tradisional.

Sekumpulan guru dari sebuah sekolah rendah di Singapura telah menggunakan alat ICT, termasuklah *Quizlet* untuk membantu murid-murid mempelajari peribahasa dengan lebih bermakna. Guru-guru yang mengajar bahasa ibunda di Singapura digalakkan menggunakan alat ICT agar murid-murid lebih terlibat dan interaktif dalam pembelajaran bahasa (Ministry of Education, 2011). Justeru itu, aplikasi *Quizlet* digunakan dalam kajian ini untuk meningkatkan pembelajaran murid.



## KAEDAH KAJIAN

Dalam kajian ini, perkara utama yang telah dilakukan adalah mengenal pasti pencapaian murid bagi markah komponen interaksi penulisan. Markah interaksi penulisan ini diambil sebelum murid menjalani pembelajaran menggunakan pengalaman pembelajaran pemerolehan dalam portal SLS. Tinjauan lanjut dilakukan untuk memahami dengan lebih mendalam masalah yang dihadapi murid. Keputusan Ujian Semester 1 bahagian interaksi penulisan murid dianalisis dan didapati kelakonan murid bagi bahagian ini kebanyakannya tidak mencapai markah penuh (4 markah). Pencapaian ini tidak melepasi sasaran yang ditetapkan oleh jabatan sekolah. Justeru itu, bagi meningkatkan prestasi murid, murid harus dilengkapi dengan kemahiran abad ke-21 iaitu kemahiran literasi digital. Penggunaan ICT dalam pembelajaran secara tekal dan efektif diharap dapat membantu murid mengukuhkan kemahiran komunikasi, interaksi dan membina kecekapan bagi pembelajaran secara sendiri serta sikap bekerjasama melalui penggunaan ICT secara efektif.

Hasil kerja murid digunakan untuk mengenal pasti aspek kelemahan murid dalam kemahiran menjawab soalan interaksi penulisan. Satu strategi pembelajaran yang konstruktif telah dilakarkan bagi membantu meningkatkan kemahiran menjawab soalan interaksi penulisan telah dihasilkan. Justeru itu, perancangan seperti penyediaan sokongan secara kontekstual bagi memahami tujuan brosur, tunjuk ajar oleh guru, pelibatan pembelajaran secara kolaborasi dan sesi amali telah disediakan untuk murid. Ini menyokong apa yang dirumuskan oleh Moore (2005) di mana kesan positif terhadap penggunaan ICT terhadap murid-murid dapat dikesan. Penggunaan ICT dapat meningkatkan motivasi murid agar sentiasa tertumpu pada tugas dan mendorong murid-murid untuk menghasilkan kerja yang berkualiti. Selain daripada itu, murid-murid juga belajar secara sendiri.

### Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan sekumpulan 19 orang murid bahasa Melayu Darjah 5 daripada kemahiran pelbagai aras kebolehan. Lebih daripada 50%



murid ini didapati murid visual dan kinestetik. Pengajaran dan pembelajaran menggunakan ICT dijalankan di dalam kelas agar murid mempunyai pemikiran yang teratur dalam meneliti isi-isi penting yang terdapat di dalam brosur yang diberi. Penggunaan templat pemerolehan digunakan di dalam kelas agar murid terlibat dalam pembelajaran secara aktif dan mampu mengenal pasti isi-isi yang diperlukan dengan menggunakan templat yang disediakan.

## **Instrumen Kajian**

Murid menjalani proses pembelajaran menggunakan pengalaman pembelajaran pemerolehan yang terdapat dalam SLS. Dalam pengalaman pembelajaran pemerolehan, murid perlu melalui tiga proses atau langkah pembelajaran utama, iaitu membaca, menonton atau mendengar, kemudian meneliti informasi yang mereka peroleh dan akhir sekali mengaplikasi apa yang mereka fahami. Pembelajaran dilanjutkan dengan menyediakan ruang bagi murid untuk berkolaborasi dengan memberikan komen pada hasil kerj rakan-rakan mereka.

Klip video, brosur dan templat rutin berfikir juga digunakan dalam kajian ini bagi membantu murid untuk mendapatkan isi-isi penting yang diketengahkan dalam brosur atau iklan yang diteliti murid. Akronim A.L.I (Ayat lengkap, Laras bahasa, Isi) dijadikan sebagai senarai semak yang digunakan oleh murid-murid untuk menyemak hasil kerja mereka.


## **Prosedur Kajian**

Murid-murid melalui aktiviti yang pelbagai dan bertahap-tahap bagi mengukuhkan proses pembelajaran. Menerusi pengalaman pembelajaran pemerolehan, murid belajar dengan melakukan analisis, membuat perbandingan dan mengenal pasti isi-isi penting yang dapat membantu pemahaman mereka. Dalam pembelajaran melalui pengalaman pembelajaran pemerolehan, murid harus melalui tiga proses, iaitu guru mengaktifkan pembelajaran, guru menggalakkan pemikiran dan perbincangan, dan murid mempamerkan hasil pembelajaran. Sementara guru pula memantau dan menilai serta memberi



maklum balas bagi setiap proses pembelajaran yang dilalui oleh murid. Sila lihat Rajah 1 yang menjelaskan setiap proses pelajaran yang dilalui oleh murid dan peranan guru semasa melaksanakan PdP menggunakan portal SLS.


**Rajah 1: Pembelajaran Aktif Menggunakan Portal SLS**



Dalam proses mengaktifkan pembelajaran, murid mengumpul maklumat melalui pembacaan, menonton klip video atau melalui pendengaran. Setelah itu, perbincangan akan dijalankan dalam kalangan murid. Proses memberi maklumat boleh berlaku di mana-mana tahap. Setelah itu guru akan menggalakkan murid untuk berfikir dan berbincang. Dalam proses ini, murid akan mengenal pasti struktur dalam informasi yang mereka peroleh. Murid akan melakukan perbandingan dan membuat hubung kait. Proses ini membantu murid untuk menyempurnakan pemahaman mereka. Bagi proses menunjukkan atau mempamerkan pembelajaran, murid akan mengartikulasikan dan mengaplikasikan pemahaman mereka dengan pembelajaran yang baharu. Kemudian, murid diminta untuk membuat pembentangan dan menjelaskan hasil kerja mereka. Guru pula boleh melakukan pemantauan dan memberi maklum balas kepada murid di mana-mana peringkat atau langkah pembelajaran yang dilalui oleh murid. Dalam SLS, guru dan murid boleh memberikan maklum balas untuk meningkatkan pemahaman dan meluaskan pembelajaran.

Dalam kajian ini, guru terlebih dahulu menyediakan peta reka bentuk pengalaman pembelajaran pemerolehan untuk membantu guru menjalankan pengajaran yang berstruktur. Peta reka bentuk pembelajaran ini menjelaskan proses PdP menggunakan SLS. Sila lihat Rajah 2 bagi perinciannya.

**Rajah 2: Peta Reka Bentuk Pembelajaran**



Berikut merupakan penjelasan mengenai urutan PdP menggunakan pengalaman pembelajaran pemerolehan dalam portal SLS.

Pertama, dalam Amalan Pengajaran Singapura (STP), guru menggunakan Aspek Pengajaran (AP) Merangsang Minat dan Aktiviti Mengajar (AM) Menggunakan Cerita dan Imejan. Murid menonton iklan untuk mengaktifkan pembelajaran mereka. Ini sekaligus merangsang minat murid bagi pelajaran ini. Setelah menonton klip video, murid mengisikan maklumat dengan menggunakan templat rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya. Guru memberi maklum balas terhadap respons yang diberikan oleh murid.

Pada tahap yang kedua pula, dalam AP Menggalakkan Pelibatan Pelajar, guru menggunakan AM Teroka, Terlibat, Aplikasi untuk menggalakkan pelibatan murid. Murid akan meneliti brosur (Teroka), kemudian murid akan kenal pasti tujuan utama brosur, daya tarikan yang ada dalam brosur dan apa yang perlu





diberikan perhatian (Terlibat) sebelum murid membuat catatan (Aplikasi). Tahap ini membantu murid menganalisis brosur agar dapat mencungkil maklumat.

Tahap ketiga pula, murid berpeluang mengartikulasikan dan mengaplikasikan pemahaman mereka. Di tahap ini, AP dan AM yang sama digunakan untuk menggalakkan pelibatan murid. Murid akan melengkapkan soalan interaksi penulisan mereka dengan menggunakan akronim A.L.I sebagai senarai semak untuk memastikan hasil kerja mereka lengkap. Akronim ini bermaksud A (Ayat lengkap), L (Laras bahasa yang digunakan bersesuaian dengan konteks yang diberi) dan I (Isi yang mereka berikan menepati kehendak soalan).

Bahagian yang terakhir ialah pemantauan dan memberi maklum balas. Proses pemantauan boleh dijalankan di mana-mana bahagian atau aktiviti pembelajaran yang dilalui murid agar dapat membimbing murid dalam pembelajaran mereka. Bagi proses pemantauan, dalam AP Menyemak Pemahaman dan Memberi Maklum Balas, guru menggunakan AM Maklum Balas dalam Bentuk Komen Sahaja. Selain itu, guru juga menggunakan AM Latihan untuk Menguasai dalam AP Menyediakan Tugasan yang Bermakna yang disarankan dalam STP. Guru memantau hasil kerja murid dalam portal SLS dan guru memberi komen atau maklum balas berkaitan dengan hasil kerja murid. Guru memberikan maklum balas terhadap jawapan yang diberikan oleh murid itu menepati kehendak soalan. Manakala AM Latihan untuk Menguasai pula digunakan di akhir pengajaran untuk memastikan murid-murid dapat mengaplikasikan apa yang telah mereka pelajari.

Guru juga mengambil kesempatan untuk menunjukkan hasil kerja murid dengan menandakan dan berkongsi jawapan yang padat dan baik. Murid-murid juga dapat berkolaborasi dengan memberikan komen berdasarkan hasil kerja rakan mereka.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**


Data-data bagi kajian ini dianalisis dengan menggunakan pendekatan analisis kuantitatif. Markah yang diperoleh murid-murid yang menjalani



pembelajaran menggunakan pengalaman pembelajaran pemerolehan dalam SLS dipantau. Markah yang diperoleh murid Darjah 5 semasa SA1 diambil dan dibandingkan dengan markah yang diperoleh semasa SA2 di mana murid-murid telah melalui pengalaman pembelajaran pemerolehan secara konsisten semasa sesi ulang kaji dijalankan. Guru-guru mendapati 60% murid telah berjaya meraih melebihi 2 markah. Guru-guru bersependapat bahawa ada usaha daripada murid untuk memastikan mereka menulis ayat lengkap, memberikan isi-isi yang relevan dan juga menggunakan laras bahasa yang baik. Jawapan yang diberikan oleh murid-murid tertumpu hanya pada isi-isi yang dikehendaki soalan.

Berdasarkan dapatan kuantitatif seperti yang dibincangkan di atas, jelas menunjukkan kemahiran murid dalam bahagian interaksi penulisan telah meningkat. Sila lihat Rajah 3 untuk perinciannya. Murid dapat mengikuti struktur yang terdapat dalam pengalaman pembelajaran pemerolehan serta templat rutin berfikir yang diperkenalkan kepada mereka dengan berkesan. Murid tidak lagi memberi informasi yang tidak relevan malah mereka dapat memberi jawapan yang lengkap. Pengalaman pembelajaran pemerolehan melalui SLS telah membantu murid untuk menjadi lebih kritis semasa mencari jawapan atau isi yang diperlukan kerana pemikiran mereka telah terlatih untuk menggunakan struktur yang telah mereka lalui.

**Rajah 3: Pencapaian Murid**



## KESIMPULAN

Kajian ini telah mencapai matlamat yang ingin dicapai. Dengan menyediakan ruang bagi murid untuk jalani proses pengalaman pembelajaran pemerolehan dalam portal SLS dengan menggunakan AM yang disarankan dalam STP, murid lebih berupaya memberikan jawapan yang lebih tepat. Struktur dalam proses ini berjaya membantu murid untuk berfikir dengan kritis semasa mencari maklumat yang diperlukan dalam soalan.

Dengan menyediakan struktur dalam proses menjawab soalan interaksi penulisan, murid dapat memberikan jawapan yang dikehendaki oleh soalan yang ditanyakan. Hasilnya terbukti jika dilihat pada perubahan markah pelajar yang agak signifikan walaupun terdapat beberapa murid yang masih lemah. Pengajaran ini bukan hanya memberi manfaat kepada murid malah kepada guru-guru juga dalam menjalankan pengajaran kemahiran interaksi penulisan. Justeru itu, pengajaran interaksi penulisan menggunakan pengalaman pembelajaran pemerolehan yang terdapat dalam SLS akan dirancakkan dan dijalankan di dalam bilik-bilik darjah yang lain.

## RUJUKAN

Armstrong, T. (2004). *Sekolah para juara*. Bandung: Kaifa.

C. Cigdemoglu, H. Akay (2016). *Use of ICT and Their Effect on Teaching and Learning; Students' and Instructir's Views*. (Dipetik pada 3 Disember 2019, 2.58 petang).

Sumber Internet: <https://library.iated.org/view/CIGDEMOGLU2016USE>

Cook, D. and H. Finlayson. 1999. *Interactive children, communicating teaching ICT and classroom teaching*. Buckingham: Open University Press.

Deaney R., K. Ruthven and S. Hennessy. 2003. *Pupil perspectives*

Gardner, H. (1983). *Frames of Mind: The Theory of Multiple Intelligences*



Moore, C. D. 2005. Is ICT being used to its potential to improve teaching and learning across the curriculum? Retrieved from <http://www.teacherresearch.net>.

Ng Chee Meng (2017), MOE FY 2017 Committee of Supply Debate Speech by Minister of Education (Schools) Ng Chee Meng. Sumber: <https://www.moe.gov.sg/news/speeches/moe-fy-2017-committee-of-supply-debate-speech-by-minister-of-education-schools-ng-chee-meng>

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan Pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.

